


CUKAI KASTAM

Sukacita menarik perhatian semua pihak berkenaan bahawa segala pengimpotan barang-barang yang bercukai oleh pihak persendirian yang mana kemudiannya barang-barang tersebut dijual atau digunakan bagi pelaksanaan kerja-kerja kontrak dengan Kerajaan hendaklah dibayar cukai kastam. Cukai Kastam yang telah dibayar itu **TIDAKLAH** boleh dituntut balik (refund).

2. Dalam hubungan ini Jabatan-Jabatan Kerajaan adalah dinasihatkan apabila mengeluarkan tawaran bagi pembekalan barang-barang yang bercukai termasuk kenderaan-kenderaan hendaklah menyatakan dalam Pemberitahuan Tawaran mereka bahawa harga tawaran hendaklah termasuk Cukai Kastam.

3. Bagaimanapun barang-barang untuk kegunaan Kerajaan yang dipesan terus dari seberang laut oleh Jabatan-Jabatan berkenaan serta diselesaikan sendiri oleh Jabatan itu menerusi Kastam bolehlah dibebaskan dari pembayaran cukai. Jabatan-Jabatan Kerajaan tidaklah dibenarkan untuk memberi sebarang surat pengakuan kepada pengimpot persendirian bagi membolehkannya mengelak pembayaran cukai.

4. Peraturan ini akan bermula kuatkuasanya mulai dari tarikh Surat Keliling ini dan ianya menggantikan Surat Keliling Perbendaharaan Bil: 3/1981.



[DATO HAJI ZAKARIA HAJI JENEH]
Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Kewangan
Kementerian Kewangan
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Rujukan: SFO/42/65.
Tarikh: 29hb Ogos 1987.